

# USIM perkenal skim wakaf gaji

## peristiwa

**B**AGI menggalakkan orang ramai melaksanakan ibadah wakaf, Pusat Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPPW), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), baru-baru ini memperkenalkan Skim Wakaf Tunai Dana Wakaf Al-Abrar.

Skim berbentuk wakaf tunai menerusi potongan gaji itu diperkenalkan bagi memudahkan semua kakitangan awam dan

swasta menunaikan ibadah wakaf, di samping menyelesaikan kekeliruan yang sering berlaku dalam menunaikan ibadah itu.

Kutipan wakaf serta agihan tabung amanah wakaf akan dilaksanakan oleh PPPW dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jawatankuasa Dana Wakaf Al-Abrar berdasarkan keputusan Majlis Wakaf USIM.

Dana wakaf yang terkumpul akan digunakan untuk aktiviti dakwah, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, kesihatan, pembangunan pendidikan dan kemudahan kesihatan.

Antara perancangan bagi memanfaatkan pembiayaan dana wakaf itu adalah untuk menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM dan juga Klinik Hemodialisis di Nilai Square, Bandar Baru Nilai.

Majlis pelancaran Skim Wakaf Tunai Dana Wakaf Al-Abrar disempurnakan oleh Naib Canselor USIM Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad. Yang turut hadir Pengarah PPPW, Profesor Datuk Mohamad Alias dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad), Dr. Irwan Mohd. Subri.

Skim terbuka kepada semua kakitangan



MUSA AHMAD (empat dari kanan) ketika melancarkan Skim wakaf tunai di USIM baru-baru ini.

awam dan swasta yang beragama Islam.

Manakala masyarakat bukan Islam juga boleh memberi sumbangan wakaf tunai secara potongan gaji dengan persetujuan berdasarkan syarat dan prosedur ditetapkan.

Penyumbang juga tidak terhad kepada kakitangan syarikat dan agensi di Negeri Sembilan, malah ia terbuka kepada pihak luar untuk memberi sumbangan wakaf tunai secara potongan gaji.

Orang ramai yang ingin menyertai skim Wakaf Tunai Dana Wakaf Al-Abrar boleh mendapatkan menghubungi PPPW atau melayari [pppw@usim.edu.my](mailto:pppw@usim.edu.my) untuk maklumat lanjut.